

PENGLIBATAN LIGA ARAB DALAM KONFLIK PALESTIN-ISRAEL (Involvement of Arab League on Palestine - Israel Conflict)

Oleh:
Mohd Roslan Mohd Nor*
Ruzanah Mohd Rozi**

Abstrak

Liga Arab (League of Arab State @ Arab League) yang ditubuhkan pada 22 Mac 1945 merupakan satu organisasi pemerintahan antarabangsa yang dianggotai oleh 22 buah negara Arab di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara. Pertubuhan ini lahir dari idea Nasionalisme Arab (turut disebut juga Pan-Arabisme) merupakan organisasi yang bermatlamat untuk menghentikan dominasi Eropah dalam pentadbiran negara Arab di Timur Tengah dan membawa kesepakatan dalam kalangan negara-negara Arab. Berperanan sebagai sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab dan terlibat dalam isu-isu politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial bagi negara-negara anggotanya menjadikan Liga Arab turut berdepan dengan tuntutan semasa globalisasi. Makalah ini bertujuan membincangkan sejarah penglibatan Liga Arab dalam mendepani isu Palestin-Israel sejak penubuhan organisasi sehingga zaman kini. Keanggotaan Palestin dalam Liga Arab pada tahun 1970an menerusi Palestine Liberation Organization (PLO) sedikit sebanyak menarik penglibatan Liga Arab dalam konflik Palestin-Israel. Secara keseluruhannya, penulisan kajian ini menggunakan metod kajian kualitatif berdasarkan analisis dapatan data dan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa Liga Arab turut terlibat di dalam mencari penyelesaian konflik Palestin-Israel, namun ianya kurang berkesan kerana sebahagian besar negara anggota mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel dan mengiktiraf kedudukannya di Timur Tengah.

Kata Kunci: *Liga Arab, Konflik Palestin-Israel, Timur Tengah, PLO, Zionis*

Abstract

Arab League which was established in March 22, 1945 is an international governmental organization comprising 22 Arab countries in the Middle East and North Africa. The organization was established from the idea of Arab nationalism (also known as Pan-Arabism), is an organization that aims to put an end to the domination of Europe in the administration of Arab countries in the Middle East and bring consensus among these Arab countries. Served as an organization that is responsible and involved in the issues such as political, economic, cultural and social of the country, the Arab League member states also faced with the current demands of globalization. This paper aims to discuss the history of Arab League involvement in confronting the issue of Palestine - Israel since the establishment of the organization until current time. Palestine's membership in the Arab League started in the 1970s through the Palestine Liberation Organization (PLO) to some extent attract the involvement of the Arab League in the Palestinian conflict with Israel. Overall, the writing of this study using qualitative research methods based on data retrieval and document analysis. The study shows that the Arab League involved in finding solutions to Palestine-Israel conflict, however it is less effective because the majority of the Arab states has established a diplomatic relation with Israel and recognized its status in the Middle East.

Keywords: *Arab League, Palestine - Israel Conflict, Middle East, PLO, Zionist*

Pendahuluan

Konflik yang berlaku di Timur Tengah khususnya yang melibatkan Palestin dan Israel telah lama berlaku dan sudah melebihi satu abad. Kemuncaknya adalah dengan penubuhan negara Israel pada tahun 1948 yang telah didirikan di atas tanah Palestin. Penduduk dan masyarakat Palestin secara majoritinya masih tidak boleh menerima perkara tersebut kerana ia seakan berbentuk rampasan ke atas tanahair mereka. Negara-negara Arab juga pada peringkat

* Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, Prof Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam & Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Corresponding author, email: m_roslan@um.edu.my

** Ruzanah Mohd Rozi, calon Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: ruzanah@um.edu.my

awalnya juga resah terhadap perkembangan yang berlaku. Negara-negara ini bergabung di bawah satu pertubuhan yang dikenali sebagai Liga Arab.

Liga Arab (*al-Jama'a al-Arabiyah* atau *Arab League*) merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan pada 22 Mac 1945 merupakan satu bentuk pertubuhan antarabangsa yang menghimpunkan negara-negara Arab yang berkongsi kebudayaan dan bahasa yang sama. Bertindak sebagai organisasi yang mengkoordinasi hal ehwal yang berkaitan dengan politik, kewangan, undang-undang, kebudayaan, sosial, pendidikan, hubungan antarabangsa, isu-isu kesihatan, pasport dan komunikasi negara-negara Arab, pertubuhan ini adalah bertujuan untuk membantu Negara-negara anggotanya untuk menguruskan dasar polisi negara dan meningkatkan kerjasama yang baik antara negara anggota.¹ Di samping itu, Liga Arab turut berperanan sebagai sebuah badan pertubuhan yang berusaha mencari solusi kepada krisis yang berlaku di Negara-negara yang berada dalam wilayah Liga Arab seperti peperangan sivil yang berlaku di Somalia dan Sudan. Tidak hanya itu, Pertubuhan Liga Arab turut berusaha membangunkan ekonomi di wilayah Afrika sehingga tertubuhnya The Arab Bank for Economic Development in Africa (BANDEA) dan tabung bantuan untuk negara-negara Afrika, The Arab Fund for Technical Assistance to African and Arab Countries (AFTAAAC) bagi mengukuhkan lagi hubungan antara negara-negara di wilayah Afrika dengan wilayah Arab.²

Penubuhan Liga Arab ini pada awalnya hanya dianggotai oleh tujuh buah negara iaitu Mesir, Jordan, Iraq, Arab Saudi, Lebanon, Yaman dan Syria telah menandatangani perjanjian tersebut pada 22 Mac 1945 di Kairo, Mesir. Kemudian, pertubuhan ini menerima keanggotaan dari Palestin pada tahun 1970an bila mana Palestine Liberation Organization (PLO) mendapat sokongan penuh dari negara anggota yang lain meskipun pada masa ini, Palestin masih belum diiktiraf sebagai sebuah negara yang merdeka. Jumlah keanggotaan dari negara Arab meningkat kepada 22 buah negara anggota pada awal tahun 2008 setelah melihat keupayaan organisasi ini dalam membantu mereka mendapatkan status negara merdeka dan mampu memberi faedah sebagai ahli. Keahlian dari negara-negara Arab lain yang bukan berada di Tanah Arab telah membuka kepada penyertaan negara bukan Arab untuk turut sama dalam organisasi ini namun hanya berfungsi sebagai pemerhati. Tindakan ini dapat diperhatikan menerusi penyertaan negara-negara pemerhati seperti Armenia yang menjadi pemerhati Liga Arab sejak tahun 2004. Tidak hanya itu, menurut Novi Rizka Amalia, negara Turki dan Chad pula turut menjadi pemerhati kepada Liga Arab pada tahun 2005 disusuli negara Venezuela pada tahun 2006, India pada tahun 2007,³ Rusia dan Iran. Meskipun begitu, ada juga negara Arab yang hanya menjadi pemerhati dalam Liga Arab seperti Eritrea pada tahun 2003. Keanggotaan negara-negara yang terlibat dalam Liga Arab ini dapat diperhatikan seperti dalam gambarajah di bawah:⁴

Negara Anggota Liga Arab		
Nama Negara	Tahun Merdeka	Tahun Penyertaan dalam Liga Arab
Algeria	1962	1962
Bahrain	1971	1971
Comoros	1975	1993
Djibouti	1977	1977
Mesir	1922	1945
Iraq	1932	1945
Jordan	1946	1945
Kuwait	1961	1961
Lebanon	1943	1945
Libya	1960	1953
Mauritania	1960	1973
Morocco	1956	1958
Oman	1650	1971

¹Dorothy Belleza Adilien. (2012). Peranan Liga Arab Dalam Usaha menyelesaikan Konflik di Suriah. *Disertasi Sarjana*. Universitas Muhammadiyah, Yogyakarta. h. 1.

² Toffolo, C.E. (2008), *The Arab League: Global Organizations Series*, New York: Infobase Publishing. h. 19 – 20.

³Novi Rizka Amalia. (2012). Kegagalan Liga Arab Dalam Penanganan Konflik Suriah 2011. *Disertasi Sarjana*. Universitas Muhammadiyah, Yogyakarta. h. 3.

⁴ Ibid., 9 – 11.

Palestin	N/A	1945
Qatar	1971	1971
Arab Saudi	1932	1945
Somalia	1960	1974
Sudan	1956	1956
Syria	1946	1945
Tunisia	1956	1958
United Arab Emirates	1971	1971
Yaman	1990	1945

Jadual 1: Tarikh Keanggotaan Negara Dalam Liga Arab

Utusan Online melaporkan Pertubuhan yang berpusat di Kaherah, Mesir ini pernah dipindahkan ke Tunis, Tunisia pada tahun 1979 lantaran Mesir dilucutkan keahliannya dalam Liga Arab kerana didapati menandatangani perjanjian damai dengan Israel.⁵ Tetapi pada tahun 1987, pusat pentadbiran Liga Arab kembali beroperasi semula di Kaherah, Mesir setelah para pemimpin dunia Arab memutuskan untuk memperbaharui semula hubungan diplomatik dengan Mesir dan sekaligus mengembalikan keanggotaan Mesir dalam Liga Arab.⁶

Keanggotaan Palestin Dalam Liga Arab dan Pertubuhan Badan-badan Bersatu (PBB)

Penyertaan Palestin dalam Liga Arab sejak tahun 1945 telah menjadi isu yang sentiasa dibangkitkan dalam kalangan negara anggota Liga Arab kerana keanggotaan Palestin adalah terdiri daripada komuniti Arab yang masih berada di bawah Mandat British di Palestin. Perbincangan ini terus dibangkitkan oleh anggota Liga Arab sehingga satu persidangan di Alexandria, Mesir pada tahun 1944 menyaksikan seorang ulama' Palestin, Haji Amin Husayni mewakili Palestin dalam persidangan pertama Liga Arab tersebut. Namun, penglibatan Haji Amin Husayni sebagai wakil Palestin tidak dipersetujui oleh beberapa anggota Liga Arab terutama Raja Abdullah dari Jordan yang berhasrat untuk menjadikan sebahagian Palestin dan wilayah Arab milik kerajaan Jordan. Natiyahnya, Liga Arab mengambil inisiatif untuk menubuhkan Arab Higher Committee (AHC) bagi memutuskan siapakah yang wajar menjadi perwakilan Palestin dalam Liga Arab lantaran wujudnya pelbagai parti di Palestin. Maka, pada 28 Mei 1964 ditubuhkan Palestine Liberation Organization (PLO) di Jerusalem selepas sidang kemuncak pertama Liga Arab. Setelah itu, eksekutif PLO telah dibentuk pada 9 Ogos tahun yang sama dan menyaksikan pelantikan Ahmad Shuqeiri sebagai pemimpin PLO. Kedudukan PLO dalam Liga Arab telah membolehkan Palestin mengambil bahagian dalam semua mesyuarat jawatankuasa dan kumpulan kerja Liga Arab yang merangkumi aspek hal ehwal sosial, ekonomi, kewangan, bekalan elektrik, keadilan dan perumahan serta pelbagai forum yang berkaitan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Palestin dalam sidang kemuncak Liga Arab.

Selain itu, pengiktirafan ke atas PLO diteruskan bila mana Liga Arab bersetuju untuk membenarkan PLO menyertai Pertubuhan Badan-badan Bersatu (PBB) pada tahun 1974.⁷ Sokongan yang diberikan oleh Liga Arab terhadap keanggotaan PLO sebagai wakil Palestin di PBB turut disokong serta-merta oleh PBB sehinggakan PLO diberikan tempat sebagai pemerhati tetap dalam perhimpunan agong PBB. Keanggotaan PLO dalam PBB turut memberikan autonomi kepada PLO untuk membangkitkan dan membincangkan isu Palestin di peringkat PBB.

Penglibatan Liga Arab dalam Perang menentang Israel

Pembabituan pertama Liga Arab dalam memerangi Israel adalah menerusi Perang Arab-Israel pada 15 Mei 1948 lantaran negara-negara Arab tidak menerima pernyataan yang dikeluarkan oleh Yahudi mengenai penubuhan negara Israel secara rasmi di bumi Palestin. Pasukan negara Arab membentuk pasukan tentera bagi menentang 70,000 tentera Yahudi dengan menempatkan pasukan tentera Mesir di kawasan Negev, Gaza, Jordan, dan Yarmouk. Manakala pasukan Iraq pula ditempatkan di Jordan, Pasukan Lubnan bergerak dari Malkiya dan menuju ke Mishmar Hayarden dan pasukan tentera Syria bergerak ke arah Samakh dan laut Galilee. Pada peringkat awal peperangan, tentera Arab berjaya mengalahkan pihak Yahudi namun sebaliknya berlaku bila mana Israel meminta Amerika Syarikat untuk mengadakan gencatan senjata menerusi Pertubuhan Badan-badan Bersatu (PBB). Serangan

⁵ Utusan Online. (2011). *Pembentukan Liga Arab* 24 Mei 2011. Akses pada 11 Mei 2015, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.

⁶ Ibid.

⁷ Sokongan yang diberikan oleh Liga Arab terhadap penyertaan PLO sebagai wakil tunggal Palestin di PBB bagaimanapun tidak dipersetujui oleh Jordan meskipun Jordan merupakan salah satu negara anggota Liga Arab.

balas dilakukan oleh Israel semasa tempoh gencatan senjata dilaksanakan sehingga menyebabkan tentera Israel memperoleh beberapa daerah seperti Ramallah, bahagian tengah Galilee dan Nazareth. Peperangan yang berlaku ini menuntut kepada campurtangan PBB yang mana Count Folk Bernadotte dilantik menjadi orang tengah kepada masalah gencatan senjata Perang Arab Israel pada tahun 1948 telah mengutarakan beberapa solusi kepada penyelesaian konflik Palestin. Sikap Israel yang tidak mahu menerima pandangan Bernadotte terhadap isu gencatan senjata tersebut telah membawa kepada pembunuhan beliau oleh *Stern Gang* di bawah kelolaan Yitzhak Shamir pada 17 September 1948. Keangkuhan Israel ini diteruskan dengan pelanggaran ke atas arahan gencatan senjata bila mana Israel menerusi unit khas *Haganah* mendesak negara-negara Arab untuk berundur sehingga berjaya menawan semula Sinai dan Negev sepanjang tempoh 8 September hingga 28 September 1948.⁸

Tidak hanya itu, kedegilan Israel ini tidak terhenti pada Perang Arab-Israel, tetapi diteruskan dengan penyerangan Israel ke atas markas-markas pengkalan tentera Mesir, Iraq, Jordan dan Syria pada 5 Jun 1967. Serangan Israel ini menyasarkan Sungai Nil dan Terusan Suez di Mesir membawa kepada ketua United Arab Republic (UAR), Gamal Abdel Nasser membalas bedilan yang dilakukan oleh pihak Israel. Namun, kesepakatan negara-negara Arab menerusi United Arab Republic (UAR) gagal mempertahankan wilayah UAR di Gaza dan Sinai. Tidak hanya itu, kekalahan ini turut membawa kepada 15 peratus kemusnahan milik tentera UAR bernilai US\$2 Juta termasuk 480 senjata berat dan ringan dan 320 buah kereta kebal. Manakala 10 000 buah kenderaan tentera UAR dirampas dan lebih dari 85 peratus kelengkapan pertahanan udara dimusnahkan Israel.⁹

Menurut A. Qayyum, Israel menyatakan tanah yang dimiliki oleh Israel semasa perang 1967 boleh dikembalikan kepada negara Arab namun dengan beserta syarat negara Arab berdamai dan mengiktiraf kewujudan negara Israel. Tindakan ini tidak dipersetujui oleh negara-negara Arab yang lain setelah sepakat dalam satu pertemuan antara negara Arab di Khartoum, Sudan pada tahun 1967.¹⁰ Mesir kemudiannya memulakan serangan terhadap Israel dan ianya berlarutan sehingga 1970 setelah Anwar Sadat berkuasa.¹¹ Dalam masa yang sama, PLO turut melakukan serangan ke atas Israel dengan merampas kapal terbang dan menyerang kubu Israel di Jordan, Lebanon, Mesir dan Syria. PLO turut berusaha menjatuhkan Raja Jordan iaitu Raja Hussien pada tahun 1970. Serangan balas yang dilakukan oleh tentera Jordan telah menyingkirkan PLO sehingga menyebabkan organisasi tersebut memindahkan kubu operasinya ke Lebanon.¹²

Liga Arab Boikot Israel

Usaha negara-negara anggota Liga Arab dalam membantu Palestin turut dilihat menerusi kempen boikot yang dijalankan oleh Liga Arab bila mana Liga Arab mengharamkan segala bentuk perdagangan komersial dan aktiviti transaksi kewangan antara negara Arab dengan Israel. Kempen yang dilaksanakan sebelum tertubuhnya Liga Arab secara rasmi pada tahun 1944 dimulai dengan bantahan terhadap penjualan tanah Palestin kepada golongan Yahudi. Kempen boikot yang dilakukan diteruskan selepas penubuhan negara Israel dengan mewujudkan Pejabat Pusat Boikot (Central Boycott Office atau CBO) di Damascus, Syria sebagai pusat mengkoordinasi segala aktiviti boikot dan akhirnya pusat operasi boikot ini dibuka di kebanyakan negara anggota Liga Arab.

Menyedari wujudnya kesan terhadap ekonomi Israel hasil dari aktiviti boikot yang dijalankan, negara anggota Liga Arab merencanakan perancangan boikot ke atas Israel setelah berlakunya perang antara Mesir, Syria dengan Israel pada bulan Oktober 1973. Dalam masa yang sama, Liga Arab mengambil langkah berani dengan membuat sekatan terhadap kapal Amerika Syarikat dan syarikat perindustrian lain yang menjalankan perdagangan dengan Israel.

Menurut Hamilton, kepincangan yang berlaku dalam pelaksanaan boikot pada peringkat awal ini bagaimanapun telah melalui proses yang lebih sekata dan sistematik apabila “The General Principles for the Boycott of Israel” diadakan. Oleh itu, garis panduan yang ada membolehkan pelaksanaan boikot ini berjalan dengan lebih teratur. Dalam konteks ini, Liga Arab menjalankan boikot dengan dua cara iaitu:¹³

⁸ Abdul Rahman (2002). *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Wilayah: Kajian Tentang Perang Arab Israel Tahun 1967*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

⁹ Muhamad Hasrul Zakariah (2007). *British dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah Untuk Pelan Damai di Asia Barat*. *Jurnal Kemanusiaan*, 10, h. 65- 66.

¹⁰ Abdul Qayyum M Suhaimi (2014). *Intifadah Al- Aqsa (2000) dan Kesannya ke atas Proses Damai di Palestin*. *Disertasi Sarjana*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

¹¹ Perang ini turut dikenali sebagai Perang *Attrition*.

¹² Peristiwa ini turut dikenali sebagai “Black September”.

¹³ Hamilton, C.A. (1994). *Effect of the Arab League Boycott of Israel on U.S Business*. Washington: DIANE Publishing. h. 9-10.

1. Melakukan boikot berdasarkan kepada aktiviti ekonomi yang mana ia dipisahkan berdasarkan kod peraturan berasingan bagi syarikat pengeluar senjata atau pun komputer, pembuatan nuklear, syarikat yang terlibat dalam perkapalan, pembuatan minyak, pengangkutan laut, pelancongan, perbankan, komunikasi satelit, insuran, televisyen, kiriman katalog dan sebagainya.¹⁴
2. Berdasarkan prinsip umum yang dilakukan juga, iaitu mana-mana barangan syarikat yang lain juga boleh disenarai hitamkan sebagai barangan boikot sekiranya memenuhi kriteria berikut:
 - a) Mempunyai kilang utama atau cawangan di Israel.
 - b) Mempunyai kilang pemasangan di Israel atau komponen bekalan untuk pemasangan di Israel.
 - c) Mempunyai ejen umum Timur Tengah atau ibu pejabat di Israel.
 - d) Mempunyai lesen salah sebuah syarikat Israel dengan cap dagangan Israel.
 - e) Terlibat dalam usahasama dengan syarikat-syarikat Israel.
 - f) Mempunyai saham Israel, bon, atau lain-lain pelaburan atau menjual aset yang sama kepada rakyat Israel.
 - g) Meminjamkan wang atau menyediakan bantuan kewangan dalam apa jua bentuk kepada entiti Israel.
 - h) Memberi khidmat nasihat atau kepakaran teknikal kepada pengeluar Israel.
 - i) Membina kapal atau kapal tangki bagi, atau menjual komoditi tersebut kepada Israel.
 - j) Menjual produk, bahan, atau bahan-bahan mentah yang berasal dari Arab dengan Israel.
 - k) Menjual kilang kepada Israel yang menyumbang kepada kekuatan ekonomi atau ketenteraan Israel.
 - l) Bertindak sebagai agen komisyen bagi pengagihan produk Israel.
 - m) Mengimport barangan Israel tetapi tidak sanggup untuk mengendalikan barangan Arab atas dasar yang sama.
 - n) Mempunyai keanggotaan dalam syarikat yang terdiri daripada rakyat Israel atau “Zionis/Yahudi” bersimpati dalam pembuatan dasar organisasi.
 - o) Dimiliki 50 peratus atau lebih dengan pro-Zionis.

Kempen boikot ini telah menyebabkan kepada pengurangan pelaburan Israel senayak 15% sehingga 20% setiap tahun dan menelan kos lebih kurang \$2 bilion setiap tahun.¹⁵ Ringkasan kepada pelaksanaan kempen boikot yang dilakukan oleh Liga Arab ini dapat diperhatikan seperti berikut:

Tahun	Perkara
1891	<input type="checkbox"/> Negara Arab meminta kerajaan Uthmaniyyah menghentikan penghijrahan golongan Yahudi ke Palestin dan penjualan tanah Palestin kepada mereka.
1922	<input type="checkbox"/> Kongres Arab menyeru negara-negara Arab untuk memboikot urusan perniagaan Yahudi di Palestin.
1929	<input type="checkbox"/> Kongres Arab tekad untuk memaksa negara-negara Arab untuk memboikot barangan Yahudi. Syria melarang sebarang bentuk aktiviti import barangan Yahudi di Palestin.
1930	<input type="checkbox"/> Laporan “ <i>British Passfield White Paper</i> ” melaporkan bahawa pendatang Yahudi di Palestin menerima pakai dasar buruh Yahudi yang boleh boleh diterima.
1931	<input type="checkbox"/> Kongres Islam sedunia menyerahkan resolusi bagi meminta seluruh negara Muslim untuk memboikot perdagangan dengan Israel di Palestin.
1934	<input type="checkbox"/> Pertubuhan Buruh Arab berpiket terhadap perdagangan dengan Yahudi di Palestin.
1944	<input type="checkbox"/> Liga Arab ditubuhkan.
1945	<input type="checkbox"/> Konsul Liga Arab menggunakan resolusi 70, dan mencadangkan agar semua negara Arab menubuhkan badan boikot kebangsaan.
1948	<input type="checkbox"/> Negara Israel telah ditubuhkan. <input type="checkbox"/> Liga Arab mengharamkan semua bentuk aktiviti perdagangan dan transaksi kewangan antara negara-negara Arab dengan Israel. Tidak hanya itu, Liga Arab turut memotong segala bentuk komunikasi telegrafik dengan Israel termasuk rangkaian radio dan pos. Manakala tanah, laut dan udara turut dilakukan sekatan kepada Israel.
1950	<input type="checkbox"/> Konsul Liga Arab menerima Resolusi 357 dan menetapkan dasar-dasar kepada pembentukan kempen boikot.

¹⁴ Dianggarkan sebanyak 6300 unit barangan disenarai hitamkan sebagai barangan boikot pada tahun 1976 meskipun ianya tidak direkodkan dalam dokumen.

¹⁵ *Ibid.*, 13.

1952	<ul style="list-style-type: none"> □ Liga Arab mengancam untuk memutuskan hubungan ekonomi dengan Jerman Barat dan senarai hitam agensi yang terlibat dalam misi bantuan komoditi dengan Israel.
1956	<ul style="list-style-type: none"> □ Berlaku krisis Suez, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyatakan Mesir tidak sepatutnya mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana negara dalam memberi akses kepada Terusan Suez.
1960	<ul style="list-style-type: none"> □ Pindaan dalam Akta Kerjasama Sekuriti Amerika Syarikat memerlukan kerajaan persekutuan bagi menafikan wujudnya bantuan asing kepada negara-negarayang kekal untuk tidak membenarkan boikot dan sekatan - sekatan dilakukan.
1961	<ul style="list-style-type: none"> □ Kongres memulakan kata aluan kepada Akta Bantuan Asing agar menggesa kerajaan Mesir untuk meyokong prinsip kebebasan pelayaran di laluan perairan antarabangsa.
1965	<ul style="list-style-type: none"> □ Akta Kawalan Amerika Syarikat membuat pindaan ke atas rekod yang bertentangan dengan boikot ke atas negara asing dan meminta supaya agensi Amerika Syarikat tidak perlu mematuhi pelaksanaan boikot dan melaporkan penerimaan permintaan boikot.
1966	<ul style="list-style-type: none"> □ Firma Coca-Cola disenarai hitam sebagai agensi yang dilarang untuk membuka kilang operasi di Israel manakala penanaman <i>Cola</i> di seluruh negara Arab diberhentikan serta Syarikat Ford Motor dan RCA turut disenarai hitam sebagai syarikat yang dilarang untuk beroperasi di Israel.
1967	<ul style="list-style-type: none"> □ Pada Perang Enam Hari, Israel menduduki wilayah kejuruan Arab dan menyebabkan Liga Arab turut memperluaskan boikot di wilayah tersebut.
1969	<ul style="list-style-type: none"> □ Kongres meluluskan Akta Pengurusan Export 1969 dan melanjutkan peruntukan anti-pemulauan ke atas Akta Kawalan Eksport.
1971	<ul style="list-style-type: none"> □ Israel menutup pejabat operasi anti-boikot mereka dan mendakwa bahawa boikot yang dilakukan oleh negara-negara Arab tidak memberikan kesan kepada mereka.
1973	<ul style="list-style-type: none"> □ Mesir dan Syria menyerang Israel pada bulan Oktober 1973 dan dalam masa yang sama organisasi Negara-negara Pengeksport Petroleum Arab membuat sekatan ke atas aktiviti penghantaran minyak ke Amerika Syarikat dan syarikat perindustrian yang lain.
1975	<ul style="list-style-type: none"> □ Negara Arab dikhabarkan melakukan diskriminasi ke atas bank yang menerima modal dari Yahudi di Perancis dan Britain pula mencetuskan sentimen anti-boikot di Amerika Syarikat dan negara-negara di Eropah. □ Sementara itu, Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat memerlukan pengeksport bagi melaporkan mengenai kepatuhan kepada arahan boikot kerana sebelumnya, laporan mengenai boikot tersebut hanya dilakukan jika diperlukan sahaja. □ Tidak hanya berdiam diri, Israel merangka semula pejabat anti - boikot sebelum ini di bawah nama "<i>Authority Against Economic Warfare</i>"
1976	<ul style="list-style-type: none"> □ Jabatan Keadilan Amerika Syarikat memfailkan kes terhadap Bechtel Corp. atas dakwaan pelanggaran undang-undang "antirust" disebabkan diskriminasi. (Kes kemudiannya diselesaikan dengan persetujuan bersama). □ Dalam masa yang sama, kongres mengesahkan bahawa Akta Pembaharuan Cukai 1976 menyediakan kredit cukai asing. Penundaan cukai terhadap Amerika Syarikat telah dinafikan. Isu boikot menjadi isu utama dalam kempen pemilihan Presiden Amerika Syarikat.
1977	<ul style="list-style-type: none"> □ Pindaan ke atas Pentadbiran Eksport 1977 telah dilakukan iaitu larangan mematuhi kempen boikot asing terutama yang melibatkan pengendalian kredit oleh bank-bank Amerika Syarikat. Penalti akan dikenakan kepada mereka yang melanggar undang-undang tersebut.
1976-1979	<ul style="list-style-type: none"> □ Kanada yang merupakan ahli Komuniti Ekonomi Eropah (Europe Economic Community) dan juga negara Eropah yang lain mengambil langkah untuk tidak menggalakkan penyertaan firma dalam boikot itu.
1979	<ul style="list-style-type: none"> □ Mesir mendatangi perjanjian perdamaian dengan Israel dan tidak turut serta dalam kempen boikot yang dilakukan. Maka, Liga Arab menjalankan sekatan ekonomi ke atas Mesir dan dalam masa yang sama, Akta Pentadbiran Eksport 1979 digubal bagi memperluaskan wilayah boikot.
1983	<ul style="list-style-type: none"> □ Pada persidangan PBB dengan persetujuan 24 buah negara dari 84 buah negara anggota dan 31 buah negara berkecuali mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan dengan

	Israel dan membuat pengasingan urusan dengan Israel termasuk dalam perdagangan.
1989	<input type="checkbox"/> Mesir secara rasmi kembali menjadi negara anggota Liga Arab.
1990-1991	<input type="checkbox"/> Krisis Iraq-Kuwait membawa kepada Perang Gulf.
1991	<input type="checkbox"/> Negara Arab Saudi, Qatar, United Arab Emirates dan Oman menyokong tindakan Mesir untuk meninggalkan kempen boikot dan pembuat perjanjian untuk mencari penyelesaian untuk menghentikan perluasan kawasan kependudukan Israel di Palestin.
1992	<input type="checkbox"/> Kongres mengedarkan bil dan surat permohonan untuk menghentikan kempen boikot yang dijalankan kerana kempen tersebut terbukti telah memberikan kesan kepada ekonomi Israel. Ini dapat dilihat menerusi Laporan akhir 1993 yang dikeluarkan oleh The National Defence Authorization Act for Fiscal Year 1993 melarang Jabatan Pertahanan Kebangsaan Amerika Syarikat dari memberi kontrak kepada entiti asing melainkan jika mereka mengakui bahawasanya mereka tidak terlibat dalam usaha boikot yang dilakukan oleh Liga Arab. <input type="checkbox"/> Selain itu, kesan boikot tersebut turut terkesan kepada The State Department Authorization lalu menyertai Jabatan Negara dari memberikan dana dalam kontrak dengan Amerika Syarikat dan firma asing yang melaksanakan boikot. <input type="checkbox"/> Majlis Kerjasama Teluk (GCC) menyarankan kepada negara anggotanya ¹⁶ untuk tidak menjalankan boikot yang ketat terhadap Amerika sebagai tanda pengiktirafan kepada Amerika Syarikat yang membantu dalam pembebasan Kuwait. <input type="checkbox"/> Sidang kemuncak G-7 di London menyatakan pengunduran kepada pelaksanaan boikot. Perdana Menteri British, John Major berikrar akan mengetuai komuniti Eropah untuk menentang pelaksanaan boikot.
1993	<input type="checkbox"/> Pada bulan Mei, Jerman menguatkuasa undang -undang anti - boikot. <input type="checkbox"/> Pada bulan Jun, Persidangan G-7 yang dijalankan di Tokyo pula menyatakan tidak akan turut serta dalam pelaksanaan boikot. <input type="checkbox"/> Pada bulan September, Israel dan PLO mendatangi deklarasi di Washington.
1994	<input type="checkbox"/> Pada bulan Januari, Kerajaan Qatar mengesahkan rundingan dengan Israel untuk pembinaan saluran paip gas asli ke Eropah. <input type="checkbox"/> Pada April, delegasi Israel menyertai perbincangan pelbagai hala di Oman mengenai isu air. <input type="checkbox"/> Pada bulan Mei, Israel dan PLO mendatangi perjanjian rukun negara sendiri di sempadan Gaza dan Jericho. <input type="checkbox"/> Pada bulan Jun, Israel dan Jordan memulakan rundingan untuk hubungan perdagangan dan ekonomi pada masa hadapan. <input type="checkbox"/> Pada bulan Julai, Israel dan Jordan menandatangani deklarasi untuk menghentikan peperangan antara mereka dan mengandungi perjanjian rundingan akhir boikot ekonomi. <input type="checkbox"/> Pada bulan Ogos, perpindahan kuasa dari Israel kepada autoriti kebangsaan Palestin bermula. <input type="checkbox"/> Pada bulan September, Israel dan Morocco mengambil keputusan untuk membina hubungan diplomatik. Hubungan diplomatik merupakan hubungan secara langsung yang diadakan antara Israel dan negara Arab sejak perjanjian Israel-Mesir pada tahun 1979. Dalam masa yang sama, pemimpin kongres Amerika Syarikat mencadangkan perluasan Perjanjian Perdagangan Amerika Syarikat 1985 antara Israel dan kesemua negara Arab yang menjalankan perjanjian perdamaian dengan Israel. <input type="checkbox"/> Pada 30 September, perkembangan utama kepada isu ini adalah negara anggota GCC mengumumkan bahawasanya akan mengakhiri penguatkuasaan tahap kedua dan ketiga dalam pelaksanaan boikot. Tindakan GCC telah mengambil kebebasan Liga Arab. <input type="checkbox"/> Pada bulan Oktober, Israel dan Tunisia bersetuju untuk pertukaran pegawai ekonomi sebagai langkah membina hubungan diplomatik yang rasmi. ¹⁷

¹⁶ Negara anggota Majlis Kerjasama Teluk adalah Arab Saudi, Bahrain, Oman, Kuwait, Qatar dan United Arab Emirates.

¹⁷ Tindakan ini telah menjadikan Tunisia sebagai negara Arab yang ketiga menjalankan hubungan secara langsung dengan Israel selepas Mesir dan Moroko.

Usaha-usaha Alternatif Liga Arab Dalam Mencari Jalan Perdamaian Antara Palestin dan Israel

Tujuan utama penubuhan Liga Arab dalam menyelesaikan konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel adalah bagi bertindak sebagai pihak yang membantu dalam mencari jalan perdamaian antara Palestin dan Israel. Antara usaha yang dilakukan oleh Liga Arab pada peringkat awal penubuhannya dalam membantu rakyat Palestin adalah mengeluarkan satu deklaras *The Invasion of Palestine 1948*. Deklarasi ini menyasarkan penyelesaian ke atas masalah pencerobohan Yahudi ke atas tanah Palestin yang mengakibatkan penghijrahan Yahudi melebihi kependudukan Arab itu sendiri. Dengan percubaan untuk menjadikan Palestin sebagai sebuah negara demokrasi berperlembagaan yang lengkap dengan prinsip-prinsip demokrasi dan penduduknya pula menikmati kesaksamaan dari sudut undang-undangnegara serta memberikan jaminan keselamatan kepada golongan minoriti di Palestin.¹⁸

Tambahan pula, Liga Arab turut menyokong tindakan PLO dalam menandatangani perjanjian Oslo dengan Israel. Perjanjian yang dimeterai pada September 1993 ini membincangkan kerangka proses damai untuk jangka masa pendek dan membincangkan dan menjamin masa depan Palestin dalam menuntut hak-hak mereka. Pelan perdamaian yang dirangka setelah 7 tahun berlakunya intifadah pertama membawa kepada perjanjian antara Israel yang diwakili oleh Perdana Menteri Israel Yitzhak Rabin dengan wakil Palestin yang diwakili oleh pemimpin PLO, Yassir Arafat. Isi perjanjian menunjukkan Israel dan Palestin atau pun PLO bersetuju untuk mengundurkan tentera Israel dari wilayah Palestin dan Tebing Gaza serta mengiktiraf Israel. Selain itu, perjanjian ini turut menetapkan penubuhan kerajaan sementara Palestin dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sempadannya mengikut Security Council Resolution 242 dan 338.¹⁹

Selain itu, Liga Arab juga pernah menawarkan hubungan damai dengan Israel pada 27 dan 28 Mac 2002 di bawah pelan damai Israel-Palestin. Rancangan pelan damai yang diusul oleh Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Abdullah dalam Persidangan Liga Arab di Beirut menawarkan pengiktirafan ke atas Israel dan bersetuju untuk memulakan hubungan bersyarat antara negara Arab dengan Israel. Tindakan wakil Arab Saudi ini mengemukakan draf rancangan damai ini dengan menggesa pengunduran sepenuhnya Israel dari wilayah-wilayah yang ditawan Israel dalam Perang Arab-Israel pada Jun 1967. Kesannya, segala pengisytiharaan negara-negara Arab yang berkaitan dengan Israel telah dibubarkan dalam sidang kemuncak di Khartoum, Sudan pada tahun 1968. Namun, tawaran ini tidak diterima oleh pihak Yahudi, bahkan tekanan Israel ke atas rakyat Palestin semakin bertambah.²⁰ Bagaimanapun, usul ini sekali lagi diiktiraf oleh Liga Arab semasa sidang kemuncak Liga Arab di Riyadh pada tahun 2007. Pengiktirafan semula ini dialu-alukan Israel terutamanya tuntutan Liga Arab yang mahukan Israel berundur ke sempadan pra-1967. Usul ini telah membawa kepada perancangan untuk mengadakan pertemuan kali pertama di antara pemimpin Israel dengan Liga Arab.²¹

Usaha-usaha lain yang dijalankan antaranya ialah inisiatif untuk mencari jalan perdamaian dalam kemelut Palestin-Israel yang membawa kepada usul ‘Perjanjian Gencatan Senjata’ antara Palestin dan Israel. Arab League Online melaporkan inisiatif ini telah diusul oleh Perdana Menteri Turki Tayyip Erdagon dalam usaha Liga Arab menghentikan serangan yang dilakukan oleh Israel ke atas markas-markas Hamas di bandar-bandar sempadan Israel.²² Dalam masa yang sama juga, menteri luar negara-negara anggota Liga Arab mengusulkan untuk melawat Gaza bagi merangka strategi perdamaian dengan Israel menerusi ketuanya iaitu Nabil Elaraby.²³ Pembunuhan komander tentera Hamas dalam serangan udara yang dilancarkan Israel pada 24 November 2012 telah membawa kepada usaha gencatan senjata antara Israel-Hamas di Palestin. Cadangan ini turut diusulkan oleh Presiden Mesir, Muhammad Morsi dalam sidang kemuncak Liga Arab di Kaherah dan dipersetujui oleh para diplomat Liga Arab. Dalam keadaan ini, Israel dan Hamas telah menetapkan beberapa syarat tertentu sebelum bersetuju melakukan gencatan senjata.²⁴

¹⁸ Tabarani, G.G. (2008). *Israeli – Palestinian Conflict: From Balfour Promise To Bush Declaration: The Complications and The Road For Lasting Peace*. AuthorHouse. h. 55.

¹⁹ Abdul Qayyum M Suhaimi & Mohd Roslan Mohd Nor. (2013), Penentangan Rakyat Palestin Terhadap Israel Dalam Intifadah Pertama 1987: Kronologi Dan Kesannya Ke atas Konflik di Palestin, dlm. *Journal of Al-Tamaddun, bil. 5(1)*, h. 40.

²⁰ Ramli Abdul Karim (2002). *Israel Tidak Peduli Pelan Damai Arab Saudi Untuk Palestin – Perangai Arab Untungkan Yahudi*. Akses pada 18 Jun 2015, http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0331&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm.

²¹ Joshua Teitelbaum (2009). *The Arab Peace Initiative: A Promer and Future Prospects*. Israel: Jerusalem. h. 22.

²² Arab League Online. (2012). *Palestine Authority Seeking an Urgent Arab League Summit*. Akses pada 4 Mei 2015, <http://www.arableagueonline.org/palestinian-authority-seeking-an-urgent-arab-league-summit/#more-163>.

²³ Ibid.

²⁴ Arab League Onlie (2012), *Where Does Arab League Stand in Israel – Gaza Conflict*. Dimut turun pada 6 Mei 2015, daripada <http://www.arableagueonline.org/category/israeli-palestinian-conflict/>.

Pertikaian yang berlaku dalam peristiwa tersebut turut menjadi isu perebutan wilayah antara Israel dan Hamas. Serangan yang dilakukan oleh Israel dikutuk oleh kebanyakan negara-negara Arab dan Islam yang lain seperti Iran, Turki dan Mesir.²⁵ Dalam pada itu, Mesir menyokong pernyataan Setiausaha Liga Arab, Nabil al-Arabi dalam menyeru perpaduan dalam kalangan negara anggota Liga Arab untuk memperjuangkan hak rakyat Palestin dan mengutuk pencerobohan Israel. Liga Arab juga berjanji untuk mencari jalan penamat kepada sekatan Israel ke atas Gaza yang dikenakan sejak tahun 2007. Gesaan ke atas pemansuhan sekatan ekonomi terhadap Gaza dan mengalukan gencata senjata turut dilakukan oleh Perdana Menteri (sekarang Presiden bermula 2014) Turki, Recep Tayyip Erdogan.²⁶

Kesimpulan

Liga Arab berusaha untuk mencari jalan penyelesaian ke atas konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel, akan tetapi usaha ini tidak dapat dilaksanakan sekiranya tiada kesepakatan dari kedua-dua belah pihak. Seperti laporan yang dikeluarkan oleh Kosmo, gencatan senjata yang pernah diusulkan oleh Perdana Menteri Mesir hanya berjaya dilaksanakan selama seminggu, namun usul tersebut gagal apabila Israel kembali mencetuskan keganasan ke atas rakyat Palestin walaupun mereka bersetuju dengan syarat yang ditetapkan dalam “Perjanjian Gencatan Senjata” tersebut.²⁷ Liga Arab juga dilihat mempunyai peranan besar ke atas perjuangan rakyat Palestin. Organisasi tersebut telah berjaya mengumpulkan 239 kumpulan atau pun parti yang ada di Palestin. Malah ia juga bergabung di bawah Palestine Liberation Organization (PLO) yang bertindak sebagai pertubuhan mewakili rakyat Palestin. Sokongan yang diberikan oleh Liga Arab ke atas penyertaan PLO dalam Pertubuhan Badan-badan Bersatu (PBB) dilihat sebagai satu peluang bagi Palestin mendapatkan sokongan dari negara-negara antarabangsa.

Selain itu, usaha Liga Arab dalam meredakan dan mendamaikan konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel tidak akan menemui jalan perdamaian sekiranya negara anggota Liga Arab masih mempunyai kepentingan sendiri seperti melakukan perjanjian perdamaian dengan Israel dan tidak turut serta dalam usaha Liga Arab memboikot Israel. Sokongan yang diberikan oleh Liga Arab ke atas penyertaan PLO dalam Pertubuhan Badan-badan Bersatu (PBB) dilihat sebagai satu peluang bagi Palestin mendapatkan sokongan dari negara-negara antarabangsa. Seperti yang dinyatakan oleh Manguluang, pemberian status negara pemerhati kepada PLO merupakan antara langkah utama bagi Palestin untuk mendapatkan kekuatan politik dalam menganggotai PBB, meskipun usaha organisasi tersebut sering terhalang dengan keputusan Amerika Syarikat yang merupakan salah satu kuasa veto dalam PBB.²⁸ Peranan Liga Arab dalam mendamaikan dan meredakan konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel turut dilihat menerusi usaha mereka dalam membantu untuk membentuk dasar Negara Palestin. Ia juga dapat dilihat menerusi pelbagai bentuk dialog yang dianjurkan oleh Liga Arab di peringkat serantau mahupun antarabangsa dalam siri rundingan mengenai konflik Palestin-Israel.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya kerana telah menyediakan geran penyelidikan bagi menjalankan kajian ini di bawah geran UMRG, RP025C-15SBS.

Rujukan

Abdul Qayyum M Suhaimi (2014). *Intifadah Al-Aqsa (2000) dan Kesannya ke atas Proses Damai di Palestin. Disertasi Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Qayyum M Suhaimi dan Mohd Roslan Mohd Nor (2013). Penentangan Rakyat Palestin Terhadap Israel Dalam Intifadah Pertama 1987: Kronologi dan Kesannya ke atas Konflik di Palestin. *Journal of Al-Tamaddun* 5(1),

Abdul Rahman (2002). *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Wilayah: Kajian Tentang Perang Arab Israel Tahun 1967. Disertasi Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

²⁵ Walaubagaimanapun, serangan ini disokong oleh negara – negara Barat seperti Amerika Syarikat, Jerman, Kanada dan United Kingdom dengan alasan bahawa Israel berhak mempertahankan dirinya.

²⁶ Arab League Online. (2012). *International Views On the Israel-Gaza Conflict*. Dimuat turun pada 25 Mei 2015, daripada <http://www.arableagueonline.org/international-views-on-the-israel-gaza-conflict/>.

²⁷ Kosmo.Com. (2014) *Gaza Kebal Serangan Israel*. Dimuat turun pada 19 Mei 2015, daripada http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0718&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm.

²⁸ Manguluang. (2013). Pemberian Status “Non – Member Observer State” Kepada Palestin Oleh PBB Dalam Upaya Penyelesaian Konflik Dengan Israel Ditinjau Dari Segi Hukum Internasional. *Disertasi Sarjana*. Universitas Hasanuddin. Makassar. h. 81- 82.

Arab League Onlien (2012). *Where Does Arab League Stand in Israel - Gaza Conflict*. Dimut turun pada 6 Mei 2015, daripada <http://www.arableagueonline.org/category/israeli-palestinian-conflict/>.

Arab League Online (2012). *International Views On the Israel-Gaza Conflict*. Akses pada 25 Mei 2015, daripada <http://www.arableagueonline.org/international-views-on-the-israel-gaza-conflict/>.

Arab League Online (2012). *Palestine Authority Seeking an Urgent Arab League Summit*. Akses pada 4 Mei 2015, daripada <http://www.arableagueonline.org/palestinian-authority-seeking-an-urgent-arab-league-summit/#more-163>.

Dorothy Belleza Adilien (2012). *Peranan Liga Arab dalam Usaha menyelesaikan Konflik di Suriah*. *Disertasi Sarjana*. Yogyakarta: Universitas Muhammadiyah.

Hamilton, C.A. (1994). *Effect of the Arab League Boycott of Israel on U.S Business*. Washington: DIANE Publishing.

Kosmo Online (2014). *Gaza Kebal Serangan Israel*. Dimuat turun pada 19 Mei 2015, daripada http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0718&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm.

Manguluang (2013). *Pemberian Status "Non - Member Observer State" kepada Palestin Oleh PBB Dalam Upaya Penyelesaian Konflik Dengan Israel Ditinjau Dari Segi Hukum Internasional*. *Disertasi Sarjana*. Makassar: Universitas Hasanuddin.

Mohd Roslan Mohd Nor (2010). *Konflik Israel-Palestin dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis*. *Journal of Al-Tamaddun*, 5(1), 73-92.

Muhamad Hasrul Zakariah (2007). *British dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah untuk Pelan Damai di Asia Barat*. *Jurnal Kemanusiaan*, 10, 65-66.

Novi Rizka Amalia (2012). *Kegagalan Liga Arab Dalam Penanganan Konflik Suriah 2011*. *Disertasi Sarjana*. Yogyakarta: Universitas Muhammadiyah.

Ramli Abdul Karim (2002). *Israel Tidak Peduli Pelan Damai Arab Saudi Untuk Palestin - Perangai Arab Untungkan Yahudi*. Akses pada 18 Jun 2015, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0331&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm.

Siti Zaleha Hamzah (2013). *Proses Damai Arab-Israel Dalam Menangani Konflik di Palestin: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*. *Disertasi Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Tabarani, G.G. (2008). *Israeli-Palestinian Conflict: From Balfour Promise To Bush Declaration: The Complications and The Road For Lasting Peace*. United States of America: AuthorHouse.

Teitelbaum, Jushua. (2009). *The Arab Peace Intiative: A Promer and Future Prospects*. Israel: Jerusalem.

Toffolo, C.E. (2008). *The Arab League: Global Organizations Series*, New York: Infobase Publishing.

United States Government (2004). *United States of America Congressional Record: Proceedings and Debates of the 108th Congress Second Session, Bil. 150*. Washington: United States Government Printing Office.

Utusan Online (2011). *Pembentukan Liga Arab*. Akses pada 11 Mei 2015, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.